

04/09/1997

Rakyat diminta pelihara perpaduan

MELAKA, Rabu - Rakyat di negeri ini diminta sentiasa berusaha memelihara serta memperkukuhkan perpaduan kaum yang telah dibina oleh penjuang lalu sehingga negara mencapai kemerdekaan tanpa berlaku pertumpahan darah.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Noordin Yaani, berkata perpaduan yang ada perlu dipertahankan serta ditingkatkan dengan tidak membenarkan sebarang anasir bertindak untuk melakukan perpecahan.

Katanya, perpaduan adalah aset penting untuk menjadi pemangkin ke arah pencapaian Wawasan 2020 untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju.

"Generasi muda sekarang bertuah menikmati hidup dalam suasana harmoni hasil daripada kestabilan negara yang berjaya mengekalkan perpaduan.

"Ini semua adalah hasil daripada semangat kerjasama serta perpaduan kaum yang dibina oleh pejuang lalu sehingga negara merdeka tanpa titisan darah," katanya di majlis integrasi nasional anjuran Jabatan Perpaduan Negeri di sini, semalam.

Beliau berkata, perpaduan kaum yang kukuh berjaya menjadikan Malaysia, termasuk kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dikenali serta diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, tegasnya, rakyat mesti bangga di atas pencapaian Malaysia serta kepemimpinan Dr Mahathir yang meletakkan negara berada pada kedudukan yang dihormati serta disegani.

"Semangat patriotisme rakyat terhadap negara terbukti apabila ramai rakyat daripada pelbagai peringkat lapisan serta kaum turut meraikan Hari Kebangsaan ke-40 dengan mengibarkan bendera Jalur Gemilang," katanya.

Menurutnya, rakyat tanpa mengira kaum mengibarkan bendera itu, sama ada di kediaman atau kenderaan masing-masing.

Noordin juga berharap rakyat di negeri ini meningkatkan nilai perpaduan dengan bersama-sama kerajaan menangani masalah gejala sosial yang melanda sebilangan masyarakat, terutama generasi muda.

Katanya, tanggungjawab menangani masalah itu tidak boleh dibebankan kepada kerajaan saja tetapi semua lapisan masyarakat perlu sama terbabit.

"Jika generasi muda terus bergelumbang dengan gejala sosial, kestabilan negara serta perpaduan rakyat boleh terganggu. Ini secara tidak langsung boleh menggagalkan matlamat Wawasan 2020," katanya.

Menurutnya, selaras dengan konsep masyarakat penyayang dalam Wawasan 2020, semua rakyat perlu bersama-sama membanteras gejala sosial tanpa mengira kaum.

(END)